

**Desak tunai janji  
Utusan Online  
07 Jun, 2012  
Oleh RODELIO JUNJUN TAUCAN**

KOTA BHARU 6 Jun - Kira-kira 300 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mengadakan demonstrasi di hadapan pejabat Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di Kota Darulnaim di sini bagi mendesak Kerajaan Kelantan melaksanakan segera projek-projek yang dijanjikan kepada rakyat tetapi belum ditunaikan.

Mereka yang mewakili 32 NGO turut membawa pelbagai peralatan pembinaan sebagai sindiran kepada kerajaan negeri supaya melaksanakan projek berkenaan.

Peralatan itu antaranya kereta sorong, cangkul, penyodok dan beberapa guni pasir yang didermakan sebagai sokongan terhadap 'hasrat murni' membawa pembangunan dan mengingatkan Nik Abdul Aziz agar segera memulakan projek itu yang sudah dijanjikan sejak 22 tahun memerintah.

Kumpulan tersebut yang diketuai Pengerusi Gerakan Tukar, Kamaruddin Mohd. Kasim mula berkumpul di pekarangan Kota Darulnaim kira-kira pukul 10 pagi sambil membawa pelbagai banting yang menyeru Kerajaan Kelantan menunaikan segala janji mereka.

"Baru-baru ini, Nik Abdul Aziz memohon derma daripada rakyat dan meminta kita bergotong-royong menjayakan projek lebuhraya baru menghubungkan Kota Bharu dan Kuala Krai, maka hari ini kita datang untuk menderma peralatan itu.

"Tetapi derma ini bukan untuk projek lebuhraya, sebaliknya kita berikan secara ikhlas supaya Kerajaan Kelantan dapat memulakan kerja membina pelbagai projek yang turut dijanjikan sebelum ini tetapi sudah 22 tahun masih tidak dilaksanakan.

"Kalau mereka kata derma ini tidak cukup, kita akan lancarkan tabung kutipan pula bagi membantu mereka dari segi kewangan kerana janji tetap janji dan ia mestilah ditunaikan," katanya ketika berucap pada perhimpunan itu.

Utusan Malaysia pada 28 Mei lalu melaporkan kenyataan Nik Abdul Aziz yang memohon rakyat Kelantan menderma bagi membina projek lebuhraya yang menghubungkan Kota Bharu dan Kuala Krai sepanjang 73 kilometer bernilai RM1.8 bilion.

Rancangan membina lebuhraya baru itu timbul ketika rakyat negeri ini sudah muak dengan Kerajaan Kelantan yang hanya pandai menabur janji dan memohon derma namun semua projek dijanjikan, antaranya pelabuhan darat Kuala Krai dan jambatan Tumpat-Kota Bharu belum ditunaikan.

Pada perhimpunan itu, kumpulan berkenaan turut menyerahkan memorandum yang mempersoalkan rancangan pembinaan lebuhraya tersebut memandangkan banyak lagi isu rakyat terutama masalah air sepatutnya diselesaikan terlebih dahulu.

Hasrat beberapa wakil kumpulan berkenaan untuk bertemu Nik Abdul Aziz bagi menyerahkan memorandum berkenaan bagaimanapun gagal kerana pintu pagar memasuki pejabat beliau dikunci dan mereka dihalang memasukinya.

Selepas hampir sejam menunggu, Setiausaha Akhbar Nik Abdul Aziz, Ahmad Fadhli Shaari kemudiannya tampil untuk menerima memorandum tersebut dan beliau ketika ditemui selepas itu berjanji akan menyerahkannya kepada Nik Abdul Aziz.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0607&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0607&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm)